

# Buruh didakwa menipu dan sebabkan kerugian

**SIBU:** Seorang buruh dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan menipu membabitkan perjanjian sewa tanah serta kerugian sebanyak RM15,500.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh, Dahlan Wong, 64, setelah pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Majistret Oon Kork Chern secara Zoom.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh bebas dengan ikat jamin RM10,000 berserta dua penjamin dengan pendapatan tidak kurang RM2,000.

Mengikut pertuduhan, Dahlan didakwa menipu seorang lelaki berusia 70 tahun apabila memperdayakan mangsa dengan menawarkan perjanjian sewa tanah daripada Lembaga Air Sibu sehingga menyebabkan mangsa menyerahkan wang tunai sebanyak RM15,500.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 22 Ogos 2024, jam lebih kurang 1 petang di sebuah bank di Jalan Ulu Lanang dan telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan.

Seksyen ini memperun-

tukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih 10 tahun dan dengan sebatan dan juga denda, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Dahlan juga didakwa bersama dua yang masih bebas mencuri wang RM10,000 milik seorang lelaki berumur 60 tahun pada 26 Ogos 2024, jam lebih kurang 12.51 tengah hari di sebuah bank di sini.

Bagi pertuduhan ini, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksan yang dibacakan bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Seksyen 379 ini mempe-

runtukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali sementara bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, hendaklah dihukum penjara dan denda atau sebatan.

Dahlan bagi pertuduhan ini dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM8,000 berserta dua penjamin.

Mahkamah turut menetapkan 26 November ini bagi sebutan semula kedua-dua kes.

Pendakwaan kes dilakukan oleh ASP Siti Mariyah Dahari sementara tertuduh tidak diwakili.